

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**KERTAS KERJA UNTUK KELULUSAN
MESYUARAT JAWATANKUASA
PENGAJIAN PENYELIDIKAN (JKPI)**

**KERTAS KERJA LANTIKAN PENYELIDIK
BERSEKUTU INDUSTRI (IAR)
BAGI PUSAT KECEMERLANGAN (CoE),
PUSAT PENYELIDIKAN (CoR) DAN
KUMPULAN FOKUS (FG)**

1.0 TUJUAN

Kertas kerja ini dikemukakan untuk mendapatkan kelulusan daripada Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Penyelidikan (JKPI) UTHM untuk melantik penyelidik bersekutu dari industri (IAR) bagi (CoE), Pusat Penyelidikan (CoR) dan Kumpulan Fokus (FG).

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Antara kekangan yang dihadapi oleh penyelidik UTHM untuk mendapat geran penyelidikan dari industri adalah kurangnya pendedahan terhadap kehendak pasaran dan industri. Ini dapat dilihat dari kurangnya kerjasama penyelidik UTHM dan penyelidik dari industri dalam permohonan geran. Jika isu ini tidak cuba diselesaikan, besar kemungkinan hasrat UTHM untuk menambah geran industri akan sukar dilaksanakan.
- 2.2 Antara cara untuk memastikan penyelidik UTHM dapat bekerjasama rapat dengan penyelidik dari industri adalah dengan melantik IAR. Lantikan ini adalah untuk sesiapa sahaja dari luar UTHM yang berkelayakan dan didapati sesuai.
- 2.3 Kertas Kerja Pelantikan IAR ini sudah dibincang dan diluluskan dalam Mesyuarat Penyelarasan TNCPI pada 20 Ogos 2018.

3.0 OBJEKTIF LANTIKAN IAR

Objektif lantikan IAR ini adalah untuk:

- 3.1 Memberi pendedahan kepada penyelidik UTHM tentang isu-isu praktikal dalam penyelidikan, seterusnya meningkatkan kualiti dan kuantiti penyelidikan di UTHM dan juga memberi nasihat tentang hala tuju kehendak industri.
- 3.2 Memberikan pendedahan kepada IAR tentang bidang penyelidikan dan kemudahan penyelidikan yang ada di UTHM. Pendedahan ini berupaya membuka peluang kepada penyelidik UTHM untuk terlibat dalam penyelidikan di industri.
- 3.3 Diharap dengan pendedahan dan pemahaman ini akan membuka peluang untuk permohonan geran bersama samada geran industri atau geran tajaan Kementerian Pendidikan dan kementerian sains serta meningkatkan kerjasama antara I²E, UTHM dengan pihak industri.

4.0 SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- 4.1 Calon hendaklah sekurang-kurangnya mempunyai kelulusan Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- 4.2 Mempunyai pengalaman dan/atau kualifikasi dalam bidang berkaitan.
- 4.3 Calon diwajibkan menandatangani *Non-Disclosure Agreement* (NDA).
- 4.4 Penyelidik UTHM yang memohon lantikan IAR mestilah mempunyai geran yang mencukupi untuk menampung kos kewangan terlibat kecuali calon industri memberi persetujuan tidak memerlukan apa-apa tuntutan kewangan. Sila rujuk **Perkara 9**.


- 4.5 Calon sedang berkhidmat sebagai staf di Jabatan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) (sekiranya berkenaan).

5.0 PROSES LANTIKAN

Proses lantikan adalah samada calon dikenal pasti oleh penyelidik UTHM atau calon industri membuat permohonan sendiri.


- 5.1 Jika calon dikenal pasti oleh penyelidik UTHM **Carta Alir 1** adalah dirujuk.
- 5.1.1 Nama calon yang dicadangkan untuk dilantik menjadi IAR dan memenuhi syarat kelayakan dikemukakan oleh penyelidik di CoE, CoR atau FG yang berkaitan.
 - 5.1.2 CoE, CoR atau FG berkaitan akan menilai calon seterusnya mengemukakan permohonan kepada I²E sekiranya calon dianggap sesuai.
 - 5.1.3 Permohonan tersebut akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa IAR yang dilantik oleh Pengarah I²E. Ahli Jawatankuasa Pelantikan IAR mestilah merupakan staf UTHM dan tidak terhad kepada penyelidik di I²E sahaja.
 - 5.1.4 Nama calon yang telah mendapat kelulusan jawatankuasa akan dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar untuk lantikan rasmi.

Carta Alir 1: Calon IAR dikenalpasti oleh penyelidik UTHM



- 5.2 Jika calon dari industri ingin membuat permohonan sendiri, **Carta Alir 2** adalah dirujuk.
- 5.2.1 Calon yang memenuhi syarat kelayakan perlu membuat permohonan kepada penyelidik di CoE, CoR atau FG yang berkaitan.
 - 5.2.2 Para penyelidik di CoE, CoR atau FG berkaitan akan menilai calon seterusnya mengemukakan permohonan kepada I²E sekiranya calon dianggap sesuai.
 - 5.2.3 Permohonan tersebut akan dibincangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelantikan IAR yang dilantik oleh Pengarah I²E. Ahli Jawatankuasa Pelantikan IAR merupakan staf UTHM dan tidak terhad kepada penyelidik di I²E sahaja.
 - 5.2.4 Nama calon yang telah mendapat kelulusan jawatankuasa akan dikemukakan kepada Pejabat Pendaftar untuk lantikan rasmi.

Carta Alir 2: Calon IAR membuat permohonan sendiri



6.0 TEMPOH LANTIKAN

- 6.1 Kuasa melantik IAR adalah di bawah bidangkuasa Jawatankuasa Pelantikan IAR yang dilantik dan diperakukan oleh Pengarah I²E.
- 6.2 Tempoh pelantikan bagi IAR adalah minimum 12 bulan sehingga 24 bulan.
- 6.3 Jawatankuasa yang telah dilantik oleh Pengarah I²E akan mengemukakan nama calon yang terpilih untuk lantikan rasmi oleh Pendaftar.
- 6.4 IAR yang telah dilantik boleh membuat permohonan untuk memperbaharui tempoh pelantikan selepas tamat perkhidmatan 24 bulan.
- 6.5 Pengarah I²E dan jawatankuasa berhak untuk membatalkan pelantikan sekiranya IAR gagal memenuhi syarat pelantikan dan/atau gagal menunjukkan prestasi yang dikehendaki oleh Universiti melalui 30 hari notis.

7.0 POLISI BERKAITAN

Dalam tempoh perkhidmatan:

- 7.1 IAR erikat dengan Polisi Harta Intelek (IP) Universiti serta perlu mengawal kerahsiaan dalam menjalankan penyelidikan dengan menandatangani Perjanjian Kerahsiaan (*Non-Disclosure Agreement*) seperti yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak serta perlu mendapatkan kebenaran universiti bagi setiap kerja yang dilakukan. Pandangan dan bantuan dari PTJ lain seperti ICC dan RMC boleh dirujuk dari semasa ke semasa.
- 7.2 Polisi Pengkomersilan Universiti akan digunapakai dalam menguruskan aktiviti pengkomersilan hasil penyelidikan yang diperolehi dalam tempoh pelantikan ini.

8.0 KEWANGAN

Antara syarat utama untuk lantikan ini adalah penyelidik UTHM mestilah mempunyai geran yang mencukupi untuk menampung kos kewangan terlibat. Melainkan calon industri memberi persetujuan tidak memerlukan apa-apa tuntutan kewangan.

- 8.1 Bagaimanapun kos kewangan terbabit adalah hanya melibatkan tuntutan perjalanan sahaja dan tidak akan melibatkan apa-apa tuntutan kewangan lain.
- 8.2 **Jadual 1** menunjukkan cadangan kos yang akan terlibat dengan lantikan IAR. Tuntutan adalah melibatkan perjalanan IAR yang datang ke UTHM untuk tujuan aktiviti penyelidikan bersama penyelidik UTHM, menggunakan peruntukan geran penyelidik UTHM dan tertakluk kepada peraturan semasa yang berkuatkuasa.

Jadual 1: Cadangan kos yang terlibat

ITEM	KOS
Pengangkutan	Tambang murah kapal terbang atau perbatuan
Elaun makan	RM 100
Tempat tinggal	Kadar bilik bujang

9.0 IMPLIKASI JIKA PERMOHONAN DITOLAK

Jika cadangan ini tidak diluluskan, proses mendekatkan jurang antara penyelidik UTHM dan penyelidik industri akan lambat untuk dikurangkan dan aktiviti penyelidikan UTHM akan mengambil masa lebih lama untuk selari dengan kehendak industri.

10.0 PENUTUP

Dengan ini, Pengerusi dan ahli Mesyuarat JKPI UTHM dimohon dapat mempertimbangkan dan meluluskan permohonan lantikan IAR.